

Sagu hasilkan gula

HAINI DARANI

KUCHING, Khamis — Satu penemuan baharu menghasilkan gula dari hampas sagu berjaya dilakukan oleh Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Profesor Dr Kopli Bujang, dari Bahagian Penyelidikan dan Teknologi UNIMAS memberitahu penyelidikan setakat ini mendapati sekilogram sagu boleh menghasilkan sekilogram serbuk gula.

Masalah yang tinggal sekarang hanya mencari cara bagaimana menukar serbuk gula tersebut kepada bentuk kristal, sebagaimana gula yang dijual di pasaran, katanya pada sidang media selepas menghadiri majlis perasmian Simposium Sagu ASEAN Pertama, hari ini.

"Kita akan berbincang dengan sebuah kilang gula di Kedah bagi menyelesaikan masalah ini melalui pengalaman mereka menukar gula cecair kepada gula Kristal," katanya.

Setakat ini kilang-kilang sagu di negeri ini menghasilkan lebih 10 tan hampas sagu sehari dan biasanya sisa ini dimanfaatkan, kecuali dibuang ke sungai sebagai makanan ikan dan udang.

Jika projek penyelidikan ini berhasil nanti, ia bukan sahaja dapat mengatasi masalah bekalan gula tetapi dalam masa yang sama mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar.

Menurut beliau, selain gula, tiga hasil utama penyelidikan daripada hampas sagu ini ialah bio-etanol, bio-diesel dan asid laktik.

Penyelidikan awal ini telah dibiayai oleh Japan Society for Promotion of Science (JSPS) dan untuk memajukan lagi penyelidikan ini, satu projek perintis pembinaan loji bernilai RM11.6 juta yang dibiayai oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sedang di dalam pembinaan.

Loji ini dijangka beroperasi pada bulan Februari tahun depan dan boleh digunakan untuk menghasilkan pelbagai produk penyelidikan.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluannya, beliau berkata UNIMAS berada di negeri yang menghasilkan 90 peratus daripada eksport sagu di Malaysia dan kerana ini, penyelidikan tentang sagu mesti dilaksanakan.

Sementara itu, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Nor menegaskan dalam ucapan perasmian, penyelidikan tentang penggunaan sisa sagu di UNIMAS memfokus kepada proses hidrolisis serat sagu kepada gula, menternak alga dengan efluen sagu dan penggunaan batang sagu sebagai bahan binaan.

"Penemuan UNIMAS juga dapati hampas sagu boleh hasilkan bio-etanol, bio-diesel dan asid laktik. MOSTI akan biayai pembinaan loji khas untuk tujuan itu."

PROFESOR DR KOPLI BUJANG
Ketua Penyelidikan
dan Teknologi UNIMAS



RASMI ... Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Nor merasmikan Simposium Sagu Asean Pertama anjuran Unimas di Kuching, semalam. • MUHAMMAD RAIS SANUSI

UNIMAS bangun Bioetanol

Dari muka 1

Antara negara yang mempunyai loji bioetanol ialah Afrika.

Bagaimanapun negara itu menggunakan gula tebu untuk menghasilkan bio-fuel.

Manakala Amerika menggunakan gandum, jagung dan kacang soya untuk menghasilkan bio-diesel. Fadillah dalam ucapannya pada majlis itu menggalakkan pihak universiti itu untuk membuat

lebih banyak kajian yang bertujuan menghasilkan bio-diesel dari bahan buangan.

Beliau berkata, sekiranya penghasilan terus ditumpukan kepada bahan makanan ia boleh merosakkan industri makanan pada masa akan datang.

Sementara itu, Khairuddin berkata, pihaknya menaruh harapan supaya lebih banyak peruntukan untuk universiti itu menjalankan penyelidikan pada masa akan datang.